

SOALAN NO: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS (BUKAN LISAN)
DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)
TARIKH :
SOALAN : 62**

DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik pengambilan gula oleh rakyat Malaysia mengikut tahun bagi 5 tahun terakhir.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai data statistik pengambilan gula oleh rakyat Malaysia mengikut tahun bagi 5 tahun terakhir. Walau bagaimanapun, pihak KKM ada menjalankan Kajian Pengambilan Makanan di Kalangan Orang Dewasa Malaysia (Malaysian Adults Nutrition Survey, MANS) pada tahun 2014. Hasil kajian tersebut menunjukkan purata pengambilan gula yang ditambah ke dalam minuman adalah sebanyak 7 sudu teh sehari iaitu 4 sudu teh dalam bentuk gula pasir dan 3 sudu teh daripada susu pekat manis. Ini tidak termasuk gula tersembunyi dalam makanan (seperti kuih-muih) dan minuman. Jumlah keseluruhan pengambilan gula orang dewasa Malaysia mungkin melebihi had yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan KKM di mana pengambilan gula tidak melebihi 10% daripada keperluan tenaga harian (2000 kcal sehari) atau 50 gram (10 sudu teh) sehari, termasuk gula tersembunyi dalam makanan atau minuman.